

NO SOALAN :375**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING
(TAIPING)****PERTANYAAN : BERTULIS**

Y.B. TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah hutang negara sebenar dan berapakah hutang liabiliti yang ditanggung oleh Kerajaan setakat hari ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kedudukan jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Jun 2017 adalah sebanyak RM685.1 bilion atau 52.3% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah berkenaan, 96.7% atau RM662.4 bilion adalah hutang domestik (50.6% daripada KDNK), sementara 3.3% lagi atau RM22.7 bilion (1.7% daripada KDNK) merupakan pinjaman luar pesisir. Kedudukan hutang Kerajaan

Persekutuan kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana.

2. Kerajaan terus komited dalam memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55% daripada KDNK. Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal rendah dan terurus, langkah konsolidasi fiskal akan terus diamalkan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat. Kedudukan ini seterusnya akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam dan dapat menurunkan paras hutang. Kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta pengurusan hutang yang baik terus diberikan penekanan bagi memastikan kedudukan fiskal dan makroekonomi terus kukuh serta dapat menampai sebarang krisis.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah jaminan pinjaman yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan sehingga akhir Mac 2017 adalah sebanyak RM195.7 bilion atau 14.9% daripada KDNK. Jaminan tersebut diberikan terutamanya kepada entiti awam yang melaksanakan projek infrastruktur dan sosial seperti DanaInfra dan Prasarana yang terlibat dalam pembinaan infrastruktur seperti MRT dan LRT serta PTPTN bagi penyediaan pinjaman pelajaran untuk pendidikan di peringkat tinggi. Jaminan ini diberikan di bawah Akta

Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965.

RT 24/376

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT
DARIPADA MERTAJAM]****JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS**

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada permohonan untuk bangunan tambahan SRJKC Permatang Tinggi Bukit Mertajam yang tertunda lebih lapan tahun sudah diluluskan untuk Rolling Plan ke-2 Rancangan Malaysia Ke-11. Jika ya, bila pelaksanaan pembinaan, jika tidak, mengapa dan bila akan diluluskan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Permohonan bagi membina dua (2) blok bangunan tambahan yang mengandungi 12 bilik darjah dan kemudahan-kemudahan lain di SJKC Permatang Tinggi, Pulau Pinang telah dikemukakan dalam RP3 tahun 2018 RMke-11. Projek ini masih dalam pertimbangan agensi pusat dan tertakluk kepada kemampuan kewangan negara.

RT24/376